

Headline	Khazanah perjas isu MSCSB		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	16 Jul 2019	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Ekonomi	Page No	35
ArticleSize	649 cm ²	Journalist	SHAHIZAM TAZALI
PR Value	RM 38,481		



Khazanah perjas isu MSCSB

Oleh **SHAHIZAM TAZALI**
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 15 JULAI

KHAZANAH Nasional Berhad (Khazanah) menjelaskan keputusan untuk melupuskan pegangan sebanyak 40 peratus dalam Malaysian Shoaiba Consortium Sdn. Bhd. (MSCSB) dibuat setelah objektif komersial yang ditetapkan dalam pelaburan berkenaan tercapai.

Khazanah dalam kenyataannya berkata, pelaburan bersama Malakoff Corp. Berhad (Malakoff) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada 2005 itu merupakan usaha menyokong kemasukan Malaysia ke pasaran pengeluar bebas air dan tenaga di Arab Saudi.

Katanya, Khazanah telah berjaya mencapai objektif ko-



mersial dalam konsortium berkenaan setelah projek tersebut siap dan memulakan operasi.

"Selari dengan perjanjian pemegang saham MSCSB, Khazanah telah menawarkan 40 peratus pegangan kepada rakan kongsi sedia ada.

"Malakoff kemudiannya menerima tawaran tersebut sekali gus membolehkan Khazanah melupuskan pegangannya dan memperoleh keuntungan yang baik pada nilai berdasarkan aliran tunai masa depan projek berkenaan," katanya di sini hari ini.

AMBIL ALIH

Minggu lalu, Malakoff Malakoff mengambil alih 40 peratus kepentingan Khazanah dalam (MSCSB) melalui anak syarikat milik penuh tidak langsungnya, Malakoff Gulf Ltd. dengan nilai AS\$70 juta (RM287.74 juta).

MSCSB memegang 50 peratus kepentingan dalam Saudi-Malaysia Water & Electricity Company Ltd. yang seterusnya memegang Shuaibah Water & Electricity dan Shuaibah Expansion Project Company (SEPCO) masing-masing sebanyak 60 peratus.

Susulan penjualan itu, terdapat beberapa pihak yang mengkritik keputusan itu kerana kerajaan PH banyak menjual aset negara sejak mengambil alih Putrajaya pada Mei tahun lalu.

Bagaimanapun, jelas Khazanah, pihaknya menilai semua

peluang pelupusan berpandukan sasaran kewangan dan strategik yang ditetapkan.

Menurutnya, sesuatu aset itu boleh dipertimbangkan untuk dilupuskan sebaik sahaja matlamat pelaburan serta pulangan yang disasarkan telah dicapai seperti mana pelupusan kepentingannya dalam MSCSB.

MANDAT

"Sebarang pelupusan juga bergantung kepada keadaan pasaran serta ketersediaan, kualiti dan kredibiliti pihak yang mengambil alih aset tersebut. Menurut mandat yang telah diperbaharui, Khazanah mengendalikan dua dana berbeza iaitu dana komersial dan dana strategik.

"Secara amnya, dana komersial menumpukan kepada mewujudkan portfolio global yang mempelbagaikan aset dan pendapatan Khazanah untuk

manfaat negara. Dana strategik pula memberi tumpuan kepada pelaburan domestik strategik terutama dalam bidang infrastruktur," jelasnya.

Mengenai hasil pelupusan dalam MSCSB, Khazanah berkata, hasil tersebut akan dilaburkan semula berdasarkan objektif yang ditetapkan bagi dua dana kendaliannya atau digunakan untuk membayar balik hutang sedia ada.

"Setakat ini, Khazanah telah melaksanakan pelaburan baharu berjumlah kira-kira RM1.4 bilion serta telah melunaskan kira-kira RM6.4 bilion daripada keseluruhan hutang sejajar dengan strategi yang ditetapkan.

"Khazanah menjangkakan akan melaksanakan lagi pelaburan baharu pada separuh kedua tahun ini berdasarkan beberapa peluang pelaburan yang sedang dipertimbangkan," katanya.



KEPUTUSAN
untuk melupuskan
pegangan sebanyak 40
peratus dalam Malaysian
Shoaiba Consortium Sdn.
Bhd. (MSCSB) dibuat
setelah objektif komersial
yang ditetapkan dalam
pelaburan berkenaan
tercapai. - GAMBAR
HIASAN

INFO

Pelaburan bersama
Malakoff dan TNB
dibuat pada 2005

Bagi menyokong
kemasukan Malaysia
ke pasaran pengeluar bebas air dan tenaga di Arab Saudi

Berjaya mencapai
objektif komersial

Menilai semua
peluang pelupusan

Hasil
pelupusan
akan
**dilaburkan
semula**